

Kekal Selamat, Duduk di Rumah

Tangan dan muka

- Jangan batuk atau bersin pada tangan anda
- Tutup hidung atau mulut dengan tisu, kemudian buang dan basuh tangan anda.
- Jika anda tidak mempunyai tisu, batuk atau bersin ke bahagian dalam siku anda atau lengan baju bahagian atas.
- Basuh tangan anda selepas menghembus hidung, batuk, bersin, atau menggunakan tandas.
- Elakkan menyentuh mata, hidung, dan mulut anda dengan tangan yang tidak dibasuh.
- Pakai pelitup muka

Tinggal dengan orang lain

- Anda hendaklah duduk di dalam bilik yang berasingan daripada orang lain seberapa kerap. Tidur di dalam bilik berasingan dan gunakan bilik air berasingan jika tersedia.
- Anda mestilah tidak membenarkan orang lain memasuki rumah anda jika mereka tidak tinggal di situ, melainkan mereka datang untuk memberikan bantuan perubatan, penjagaan peribadi atau barangan rumah.
- Pastikan anda menjaga penjarakan sekurang-kurangnya 1.5 meter daripada orang lain di dalam rumah.
- Pilihan penginapan tersedia (lihat di bawah).

Mengekalkan rumah anda bersih

- Bersihkan permukaan dengan kerap – telefon, pemegang pintu, suis lampu dan bangku.
- Kesat kotoran dan kuman dengan bahan pencuci.
- Basmi kuman pada semua permukaan.
- Jangan berkongsi botol minuman, gelas, pinggan mangkuk, kutleri kecuali dengan orang yang tinggal bersama anda.

Duduk di Rumah

- Anda mesti mengasingkan diri sehingga kebenaran diterima daripada Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Kemanusiaan

Maklumat hubungan utama:

Talian Utama Am: 1800 675 398

Talian Utama Sokongan COVID Colac: 5232 9440 (makanan dan barangan rumah)

Penginapan: 1300 651 160